

Sentimen pelabur pulih, bursa Asia kembali mengukuh



BH 4/10

Saham Asia mengukuh pada Isnin dengan sumber kewangan mengurangkan kebimbangan mengenai masa depan bank gergasi Jerman, Deutsche Bank selepas sumber berkata ia menghampiri perjanjian untuk mengurangkan denda berbilion dolar Amerika Syarikat (AS).

Peniaga bersikap berhati-hati pada minggu lalu menyebabkan saham berada pada paras membimbangkan pada Jumaat, selepas pegawai AS mengenakan denda kepada peminjam sejumlah AS\$14 bilion terhadap peranannya dalam

krisis gadai janji subutama.

Angka yang besar itu mendorong kebimbangan bahawa bank berkenaan boleh berada dalam tekanan dan mencetuskan satu lagi kegawatan ekonomi global, sementara *Bloomberg News* melaporkan beberapa dana melindungi nilai menarik balik pelaburan mereka di dalam syarikat itu walaupun bank pusat itu berkata pihaknya mempunyai kedudukan kewangan yang stabil.

Bagaimanapun, pada Jumaat, sumber terdekat mengenai perkara itu memberitahu AFP bahawa bank Jerman semakin hampir untuk membayar AS\$5.4 bilion bagi menyelesaikan kes berkenaan.

"Sentimen pasaran bertambah baik kerana jelas orang ramai bimbang bahawa Deutsche Bank mungkin akan mencipta sekali lagi situasi Lehman," kata Pengarah Urusan bagi Jualan di Haitong International Securities Group, Hong Kong, Andrew Sullivan.

Di Jepun, Nikkei ditutup 0.9 peratus lebih tinggi sementara

Hong Kong menokok 1.2 peratus dan Sydney ditutup 0.8 peratus lebih tinggi.

Jakarta turut menokok 1.3 peratus. Taipei dan Manila juga mengukuh.

Antara aktif, Commonwealth Bank yang tersenarai di Sydney dengan kenaikan 1.5 peratus, manakala HSBC naik 1.6 peratus di Hong Kong. Mitsubishi UFJ Financial Group menokok 0.4 peratus di Tokyo.

Sementara itu, dagangan di Shanghai, Seoul dan Kuala Lumpur ditutup sempena cuti umum.

Saham Eropah dibuka tinggi pada awal dagangan dengan London naik 0.7 peratus dan Paris meningkat 0.2 peratus. Frankfurt 1.1 peratus lebih tinggi dengan lanjutan semalaman Deutsche Bank pada Jumaat.

Dalam pasaran mata wang, pound merosot berbanding dolar selepas Perdana Menteri Britain, Theresa May menetapkan tempoh untuk meninggalkan Kesatuan Eropah pada 2019.

AFP